

30 AUG 1997

MAHATHIR UCAP TERIMA KASIH KEPADA PENGIRIM KAD HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang mengirinkan beliau kad ucap selamat sempena Hari Kebangsaan ke-40 esok.

"Saya menerima banyak kad ucap selamat daripada murid sekolah dan orang ramai sempena Hari Kebangsaan ini. Saya cuba untuk jawab semuanya, tetapi tidak dapat kerana terlalu banyak. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada semua," katanya kepada pemberita di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Terdahulu, Perdana Menteri menerima kad ucap selamat sempena Hari Kebangsaan daripada pelajar kolej Yayasan Saad, Melaka.

Seramai 40 pelajar diiringi Pengetuanya Ramli Maidin, mewakili rakan mereka menyampaikan kad ucapan yang ditandatangani 267 pelajar dan guru-guru kolej itu kepada Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Malaysia akan menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-40 daripada penjajahan British, esok. -- BERNAMA

RAZ RON